


Borang FSGK-LI 11		PROGRAM (tanda $\checkmark$ pada yang berkaitan)	
	<b>FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF SKIM PENEMPATAN PELAJAR</b>	Seni Halus	
		Senireka Industri	
		Senireka Tekstil dan Fesyen	
		Senireka Grafik	
		Animasi	
		Sinematografi	
<b>PERJANJIAN, PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT LATIHAN INDUSTRI</b>		Muzik	
		Pengurusan Seni	
		Drama dan Teater	
<p>➤ <i>Sila baca perjanjian ini dengan teliti.</i></p> <p>➤ <i>Pelajar mestilah mematuhi segala syarat yang telah disenaraikan</i></p>			
<p><b>PELAJAR PERLU MEMBACA, MEMAHAMI DAN MENURUNKAN TANDATANGAN PERJANJIAN PERSETUJUAN TERHADAP SEGALA PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT LATIHAN INDUSTRI FAKULTI.</b></p>			
<p><b>BAHAGIAN A</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pelajar hendaklah menumpukan sepenuh masa, perhatian tenaga dan keupayaannya kepada program SPP.</li> <li>2. Pelajar hendaklah patuh kepada segala peraturan bekerja di organisasi beliau ditempatkan, mematuhi arahan Penyelia SPP di UNIMAS dan kerjasama dengan program SPP.</li> <li>3. Pelajar dikehendaki hadir pada setiap masa ada waktu urusanniaga atau waktu kerja biasa kecuali tidak dapat berbuat demikian disebabkan oleh sakit, kemalangan atau sebab-sebab lain yang tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, pelajar mestilah terlebih dahulu memaklumkan secara bertulis kepada Penyelia di organisasi di mana beliau ditempatkan.</li> <li>4. Pelajar hendaklah melaporkan kegiatan hariannya dan sinopsis latihan yang diterima di dalam Buku Log. Buku ini hendaklah diserahkan kepada Pejabat Am selewatnya-lewatnya dua minggu selepas tamat Program SPP untuk semakan dan penilaian.</li> <li>5. Pelajar tidak boleh membocor atau memberi sebarang maklumat berhubung dengan pihak yang menyediakan kemudahan latihan atau sebarang mengenai urusanniaga pihak tersebut atau pelanggan-pelanggannya atau maklumat-maklumat lain yang diperolehi semasa latihan tersebut ataupun sesudahnya.</li> <li>6. Pelajar tidak boleh dengan sengaja merosakkan atau menyalahgunakan sebarang harta kepunyaan organisasi yang memberikannya ataupun sesudahnya.</li> <li>7. Pelajar hendaklah pada setiap masa mengecualikan dan membebaskan UNIMAS dan/atau pekerjanya dan/atau ejennya di mana beliau ditempatkan daripada setiap dan/atau sebarang undang-undang, tuntutan dan tanggungan yang diambil oleh mana-mana pihak di bawah undang-undang <i>Statuori</i> dan <i>Common Law</i> berkaitan dengan penyertaan pelajar di dalam SPP.</li> <li>8. Pelajar yang menerima sebarang bayaran wang dari organisasi di mana beliau ditempatkan hendaklah melaporkan perkara ini kepada Penyelia di UNIMAS.</li> <li>9. Program SPP perlu dijalani bagi tempoh yang telah ditetapkan sahaja. Sekiranya pelajar bercadang untuk memulakan Program SPP (tidak mengikut tempoh yang ditetapkan) lebih awal, atau melanjutkan atau memendekkan tempoh program, kebenaran hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Penyelia Latihan di UNIMAS.</li> </ol>			
<p>Semua pelajar adalah dilindungi di bawah SKIM INSURAN TAKAFUL.</p>			

## **BAHAGIAN B**

PERJANJIAN ini dibuat pada tarikh \_\_\_\_\_/\_\_\_\_\_/20\_\_\_\_ (tarikh / bulan / tahun)  
DIANTARA (nama pelajar)\_\_\_\_\_

No. Matrik \_\_\_\_\_ dari FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF,  
Program\_\_\_\_\_ (Selepas ini dirujuk sebagai pelajar)  
bagi satu pihak dan UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK sebuah institusi pengajian tinggi  
yang ditubuhkan di bawah Undang-undang Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai UNIMAS) bagi  
satu pihak yang lain.

YANG MANA pelajar sebagai sebahagian daripada pendidikan dan latihannya di UNIMAS  
dikehendaki menjalani latihan praktikal di bawah SKIM PENEMPATAN LATIHAN INDUSTRI  
PELAJAR, UNIMAS (selepas ini dirujuk sebagai SPP) telah bersetuju untuk menyertai SPP  
tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam BAHAGIAN A  
yang dilampirkan bersama-sama perjanjian ini (selepas ini dirujuk sebagai Peraturan-peraturan dan  
Syarat-syarat tersebut) tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat, peruntukan-peruntukan yang  
terkandung kemudian daripada ini.

**Adalah Dengan Ini Diisytiharkan Dan Dipersetujui Diantara Kedua-Dua Pihak Yang  
Dinyatakan Seperti Berikut:-**

1. Bahawa pelajar akan terikat dengan setiap dan tiap-tiap peraturan-peraturan dan syarat-syarat tersebut yang berkuatkuasa pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani, termasuk sebarang tambahan atau pindaan atau perubahan yang akan dibuat dari masa ke semasa ke atas Peraturan-peraturan dan syarat-syarat tersebut yang akan dibuat oleh UNIMAS atau wakilnya selepas tarikh Perjanjian ini.
2. Bahawa peraturan-peraturan dan syarat-syarat tersebut akan dibaca bersekali dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.
3. Perjanjian ini hendaklah mengikat wasi-wasi, pentadbir-pentadbir, waris-waris dan pengganti-pengganti kedua-dua disini.

DITANDATANGANI oleh pelajar pada hari dan tahun yang tertulis sebelum ini

Tandatangan Pelajar .....  
Tarikh

Tandatangan Penyelaras Program .....  
Tarikh

Tandatangan Naib Canselor atau  
Wakil yang diturunkan kuasa kepadanya .....  
Tarikh

